

ULANG TAHUN KE-75 PENDUDUKAN JEPUN KE ATAS SINGAPURA

NHB anjur lawatan berpandu, mahu orang awam susur sejarah negara

► **FARAH REZAL**
rfarah@sph.com.sg

TAHUN ini, Lembaga Warisan Negara (NHB) memperingati ulang tahun ke-75 pendudukan Jepun ke atas Singapura semasa Perang Dunia Kedua.

NHB akan mengadakan pelbagai daya usaha sepanjang tahun ini, bermula dengan acara tahunan 'Battle for Singapore' (Pertempuran bagi Singapura).

Dari 16 Februari hingga 12 Mac ini, orang ramai boleh menyertai bermacam-macam kegiatan termasuk siri lawatan berpandu dan ceramah umum di pelbagai muzium, Museum Roundtable (MR).

Mereka boleh mengetahui lebih lanjut mengenai peristiwa kejatuhan Singapura dan kisah pendudukan Jepun.

Program dan kegiatan itu dianjurkan bersama rakan masyarakat, MR dan pakar warisan.

Bagi acara 'Pertempuran bagi Singapura', empat lawatan berpandu baru disediakan untuk orang awam tahun ini.

Sebanyak 49 lawatan ke 11 tempat bersejarah Perang Dunia Kedua akan disediakan termasuk lawatan ke Gillman Barracks dan tempat bersejarah di sepanjang Bukit Timah Road.

Penceramah Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Mohamed Effic, berkata penting bagi orang ramai mengambil tahu tentang pertempuran yang menyebabkan kejatuhan Singapura.

Beliau yang menjalankan penyelidikan dan akan mengetuai lawatan tersebut berkata:

"Orang ramai yang bakal melawat tapak ini akan terperanjat melihat ba-

hawa warisan Perang Dunia Kedua masih ada di sini.

"Sangat penting bagi kita mengingati dan mendalami sejarah ini. Saya berharap selepas lawatan ini, pelawat akan melakukan penyelidikan sendiri tentang sejarah di tempat ini."

Timbalan Pengarah Jabatan MR, NHB, Cik Norsaleen Salleh, berkata lawatan itu disediakan bagi mempersembahkan cerita dan pengalaman mereka yang melalui kepahitan Perang Dunia Kedua.

"Kami ingin mempamerkan ketahanan dan daya tahan rakyat Singapura dan mereka yang telah mempertahankan Singapura.

"Lawatan ini juga dapat mengajar generasi muda bahawa pertempuran ini semua berlaku di Singapura dan kawasan perumahan mereka.

"Mereka harus melahirkan minat dan menyusur sejarah nenek moyang mereka," katanya.

Salah satu jejak 'Pertempuran bagi Singapura' ialah 'Hari-hari Terakhir Penguasaan Empayar: Pergerakan Jepun di Sepanjang Bukit Timah Road'.

Jejak ini membawa pelawat ke tujuh tempat bersejarah di situ.

Antaranya hentian 'Pembunuhan Komando Rimau Yang Ditangkap', yang terletak di University Town di NUS.

Di tempat tersebut, pelawat akan diberi penerangan tentang Gerakan Rimau dan bagaimana komando dari Australia yang mempertahankan Singapura dibunuh askar Jepun.

Mereka yang berminat mengikut lawatan berpandu itu boleh mula mendaftar di laman <http://bsg2017.eventbrite.com>, mulai 6 Februari ini, pada 10 pagi.

Orang awam juga boleh melungsur laman www.museums.com.sg bagi mendapatkan maklumat lanjut.



KENALI TEMPAT BERSEJARAH: Hentian 'Pembunuhan Komando Rimau Yang Ditangkap' ini terletak di University Town di NUS. Ia salah satu hentian 'Pertempuran bagi Singapura'. Di situ, pelawat akan mengetahui tentang Gerakan Rimau dan bagaimana komando dari Australia yang mempertahankan Singapura dibunuh askar Jepun. – Foto THE STRAITS TIMES

ACARA PERTEMPURAN BAGI SINGAPURA

1. Penguasaan Singapura: Lawatan ke Jabatan Penyiaran Jepun dan Ibu Pejabat Kempeitai (Polis Tentera Jepun)

2. Kebun Bunga ke Bukit Brown: Ziarah tanah perkuburan Bukit Brown

3. Fort Serapong @ Fort Siloso: Meneroka struktur menarik bekas Fort Serapong

4. Hari-hari Terakhir Penguasaan Empayar: Teroka pergerakan Jepun di sepanjang Bukit Timah Road